

Publication : Utusan Malaysia  
 Date/Page : 27 November 2004, pg 8  
 Circulation : 246,006

**HEADLINE: SAS Malaysia climbs Mount Kinabalu**



# SAS Malaysia daki Gunung Kinabalu

**K**UALA LUMPUR 26 Nov. - Peneraju pasaran penyelesaian dan perkhidmatan kepintaran SAS Malaysia (SAS) akan mengadakan ekspedisi mendaki Gunung Kinabalu bersama pelanggan utamanya tidak lama lagi.

Ekspedisi yang akan berakhir dengan pengibaran bendera korporat SAS 9 di puncak gunung bertujuan untuk mengumpul wang sebanyak RM10,000 yang akan disumbangkan kepada Universiti Utara Malaysia (UUM) bagi mengadakan program 'Selangkah Ke Alam Universiti'.

Program amal 'Selangkah Ke Alam Universiti' memberi peluang kepada anak yatim yang sedang bersekolah akan satu peluang berharga untuk menimba pengalaman dan merasai kehidupan di kampus.

Pengarah Urusan SAS Malaysia, Jimmy Cheah berkata, sempena pelancaran SAS 9 baru-baru ini, SAS di seluruh dunia turut menganjurkan pelbagai aktiviti bertemakan antarabangsa.

Sementara kumpulan serantau Asia-Pasifik bersedia untuk menakluki Gunung Everest, SAS Malaysia pula mendaki Gunung Kinabalu.

Program tersebut bertujuan untuk memberi harapan kepada pelajar supaya berpandangan lebih jauh dalam menempuhi apa jua rintangan dan cabaran dalam hidup.

SAS merupakan peneraju pasaran dalam menawarkan perisian perniagaan pintar generasi baru dan perkhidmatan yang membentuk perusahaan bestari sebenar dengan lebih 40,000 laman web kini menggunakan penyelesaian SAS.

Ia termasuk 96 syarikat antara 100 yang tersenarai dalam Fortune 500.



**PASUKAN SAS Malaysia yang akan mendaki Gunung Kinabalu bersama Timbalan Dekan Fakulti Sains Kuantitatif Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr. Engku Muhammad Nazri Engku Abu Bakar (depan).**